

14/02/1997

Pelantikan bukti pengiktirafan Umno: Rozali

KOTA BHARU, Khamis - Bekas Pengerusi Badan Perhubungan Parti Melayu Semangat 46 (S46), Datuk Mohd Rozali Isohak menyifatkan pelantikan empat bekas pemimpin parti itu menduduki jawatankuasa BN Kelantan sebagai pengiktirafan Umno terhadap kedudukan mereka sebagai ahli parti.

Menurutnya, keputusan itu juga membuktikan Presiden Umno yang juga Pengerusi Barisan Nasional (BN), Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menaruh keyakinan bekas ahli S46 boleh memberi sumbangan bagi memperkukuh jentera parti di peringkat negeri.

Katanya, keputusan itu membuktikan Umno tidak pernah mengetepikan bekas ahli S46 yang kembali ke pangkuan Umno selepas parti itu dibubarkan awal Oktober lalu.

"Kita terharu dan berterima kasih kepada Presiden parti memberi kepercayaan terhadap bekas ahli S46 menduduki jawatankuasa BN Kelantan yang disifatkan sebagai pengiktirafan untuk kami berjuang bersama Umno dan BN di negeri ini," katanya.

Semalam, Pengerusi BN Kelantan, Datuk Annuar Musa mengumumkan pelantikan empat bekas pemimpin S46 Kelantan menduduki jawatankuasa BN negeri termasuk Mohd Razali sebagai Pegawai Penerangan BN Kelantan yang juga Timbalan Ketua Penerangan Umno negeri, manakala bekas Ketua Pemuda S46 Kelantan, Mohd Rozali Yusoff sebagai Setiausaha Kerja BN negeri.

Dua lagi bekas ahli S46 diletakkan di bawah portfolio Pilihan Raya BN Kelantan iaitu bekas Timbalan Pengerusi Badan Perhubungan S46, Datuk Shukri Mohamed sebagai Pengerusi Ejen Mengundi dan Pengiraan manakala bekas Ketua Wanita S46 bahagian Kota Bharu, Ilani Datuk Ishak dilantik sebagai Pengerusi Gerakan Saraf.

Mengenai pelantikannya sebagai Timbalan Ketua Penerangan Umno Kelantan, Mohd Rozali berkata, sebagai bekas ahli S46, beliau akan memberi kerjasama sepenuhnya kepada Ketua Penerangan Umno negeri yang baru, Datuk Zainal Abidin Abdul Kadir.

Menurutnya, sebagai langkah awal gerakan, penerangan akan diperhebatkan bersama seluruh parti komponen dalam BN Kelantan termasuk MCA dan MIC.

"Ini penting kerana menerusi gerakan penerangan bersama parti komponen BN itu, kita mahu memberi tumpuan kepada sekurang-kurangnya di 10 kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) yang mempunyai pengundi bukan Melayu lebih 1,000 orang," katanya.

(END)